



# GARIS PANDUAN PENGIKLANAN UNTUK KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

(HOSPITAL SWASTA, KLINIK, KLINIK RADIOLOGI  
DAN MAKMAL PERUBATAN SWASTA)

LEMBAGA IKLAN UBAT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGIKLANAN UNTUK KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN  
PENJAGAAN KESIHATAN**

**(HOSPITAL SWASTA, KLINIK, KLINIK RADIOLOGI DAN MAKMAL PERUBATAN SWASTA)**

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk melengkapi peruntukan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Disemak 1983) dan Peraturan-peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976.
- 1.2 Iklan termasuk sebarang notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain, dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan cara menerbitkan atau mengeluarkan cahaya atau bunyi.
- 1.3 Melainkan pengecualian seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.0, iklan hanya boleh diumumkan setelah mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat.
- 1.4 Pengamal perubatan berdaftar yang ingin mengiklankan kemudahan atau perkhidmatan mereka perlu mematuhi 'Kod Etika Profesional' Majlis Perubatan Malaysia serta garis panduan dan arahan berkaitan yang dikeluarkan oleh Majlis tersebut.

**2.0 Prinsip Am**

- 2.1 Tujuan garis panduan ini ialah untuk memberi maklumat kepada hospital swasta, klinik, klinik radiologi dan makmal perubatan swasta mengenai peraturan yang mengawal iklan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan oleh kemudahan-kemudahan ini yang disebarkan kepada orang ramai.
- 2.2 Maklumat yang terkandung dalam iklan mesti fakta yang betul dan boleh disahkan. Ia tidak boleh keterlaluan, palsu, mengelirukan atau memperdayakan.
- 2.3 Kesahan dan ketepatan maklumat yang disampaikan dalam iklan hendaklah boleh ditentukan oleh Lembaga Iklan Ubat. Orang ramai tidak boleh dikelirukan untuk membuat tanggapan tidak tepat tentang kebolehan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh kemudahan penjagaan kesihatan.
- 2.4 Maklumat yang diberikan dalam iklan hendaklah mematuhi garis panduan ini sepenuhnya.
- 2.5 Maklumat mengenai kemajuan dalam perkhidmatan perubatan dan terapeutik sebaik-baiknya dilakukan melalui forum perubatan bersesuaian dan penerbitan profesional untuk mengelak risiko laporan tidak seimbang dan tidak tepat.

- 2.6 Rencana atau artikel yang mengandungi elemen mengiklan kemahiran atau perkhidmatan akan disifatkan sebagai promosi dan akan dikawal sedemikian. Bagi upacara pembukaan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan tidak terdapat publisiti berlebihan mengenai kemudahan penjagaan kesihatan baru tersebut atau kemahiran profesional yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan majlis itu.

### **3.0 Pengecualian**

Kelulusan Lembaga Iklan Ubat tidak diperlukan untuk yang berikut:

- 3.1 Iklan yang tidak merujuk kepada tawaran kemahiran atau perkhidmatan penjagaan kesihatan berhubung rawatan, pencegahan atau diagnosis apa-apa penyakit atau keadaan badan manusia.

Contoh: Iklan kadar harga bilik mengikut kategori oleh hospital swasta.

Contoh: Iklan klinik perubatan swasta menjemput pesakit dengan pernyataan-pernyataan seperti "klinik mesra keluarga anda", "*trust and care for years*", "*you are in safe hands*" dan sebagainya tanpa merujuk kepada apa-apa perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan di premis tersebut.

Contoh: Papan tanda tunjuk arah yang menunjukkan lokasi dan jarak sesuatu premis klinik perubatan swasta atau hospital swasta.

- 3.2 Amalan semasa maklumat-maklumat yang diedarkan dalam lingkungan profesion melalui jurnal dan surat berita perubatan yang diterbitkan oleh badan profesional perubatan.

- 3.3 Amalan semasa yang membolehkan mana-mana badan profesional berkaitan dengan profesion perubatan, atau mana-mana profesion bersekutu lain yang ditubuhkan oleh atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang telah diberi kelulusan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia, untuk menerbitkan pengumuman atau maklumat kepada orang ramai.

- 3.4 Perkara-perkara di bawah tidak memerlukan kelulusan Lembaga Iklan Ubat dengan syarat semua kriteria yang dinyatakan dipenuhi.

#### **3.3.1 Kad nama, Kepala Surat, Cap Getah dan Papan Tanda**

Maklumat yang terdapat pada kad nama profesional, kepala surat, cap getah, papan tanda klinik, papan tanda arah jalan dan papan tanda panduan di kompleks komersil, perlu mematuhi 'Garis Panduan Penyebaran Maklumat oleh Profesion Perubatan' yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

#### **3.3.2 Seminar / Syarahan Awam/ Pengumuman Forum Awam**

Pengumuman atau notis hanya boleh mengandungi tajuk / topik ceramah atau forum, tarikh, tempat, nama penceramah dan tempat amalan, gambar

penceramah (saiz gambar pengamal perubatan tidak boleh melebihi satu per tiga daripada saiz format iklan) dan nama/nombor untuk pertanyaan.

### 3.3.3 Pariwara / Artikel Pendidikan / Mesej Kesihatan Komuniti

Artikel pendidikan berkaitan isu penjagaan kesihatan boleh disampaikan kepada umum melalui percakapan, penulisan atau siaran media tanpa kelulusan Lembaga Iklan Ubat. Walau bagaimanapun, pengamal tidak boleh melanggar batasan sehingga menggalakkan orang ramai mendapatkan khidmat nasihat atau rawatan daripadanya atau kemudahan penjagaan kesihatan yang dikaitkan dengannya melalui publisiti terperinci mengenai perkhidmatan atau butiran untuk dihubungi.

### 3.3.4 Pengumuman Akreditasi / Anugerah, Ucapan Tahniah

Kemudahan Penjagaan kesihatan dibenarkan mengumumkan:

- i. Pensijilan diiktiraf yang diterima oleh kemudahan penjagaan kesihatan, seperti ISO, akreditasi hospital, anugerah kebangsaan atau antarabangsa, anugerah inisiatif dan lain-lain,
- ii. Ucapan tahniah sempena upacara pembukaan / pelancaran bahagian sampingan / cawangan / jabatan / disiplin / kemudahan penjagaan kesihatan / kelengkapan baru, dan

Hanya nama & tarikh anugerah / akreditasi / pelancaran / pembukaan dan gambar anugerah / bahagian sampingan / cawangan / jabatan / disiplin / kemudahan penjagaan kesihatan / kelengkapan baru serta maklumat umum Kemudahan Penjagaan Kesihatan boleh disebut atau disiarkan.

## **4.0 Maklumat yang boleh didedahkan dalam iklan adalah seperti yang berikut:**

### 4.1 Maklumat umum tentang kemudahan penjagaan kesihatan

- i. Nama dan lokasi
- ii. Nombor telefon
- iii. Masa perkhidmatan
- iv. Jenis perkhidmatan dan kemudahan
- v. Bayaran yang dikenakan bagi pelbagai perkhidmatan dan kemudahan
- vi. Gambar pengamal perubatan tidak boleh melebihi satu per tiga daripada saiz format iklan.

### 4.2 Perkhidmatan profesional yang terdapat di kemudahan penjagaan kesihatan

Contoh: Pembedahan, Perbidanan, Kemalangan & Kecemasan, Pemulihan (seperti yang diiktiraf oleh badan berkanun berkaitan).

Nama, kelulusan dan bidang kepakaran pengamal perubatan boleh disenaraikan sebagai maklumat. **Promosi individu mana-mana pengamal perubatan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan pengalamannya tidak dibenarkan.**

#### 4.3 *Dipadam*

4.4 Sila rujuk bahagian 6.0 untuk maklumat lanjut berkaitan dengan media tertentu.

#### 4.5 Testimoni Pesakit

i. Testimoni pesakit dibenarkan hanya untuk tujuan promosi premis penjagaan kesihatan seperti berikut:

Contoh: Pesakit memberi testimoni premis seperti tentang kebersihan hospital atau klinik, layanan/ hospitaliti staf klinik yang beramah mesra, persekitaran hospital/klinik yang kondusif.

ii. Testimoni pesakit berkaitan rawatan/perkhidmatan kesihatan seperti berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN:**

**a) Testimoni pesakit berkaitan rawatan perkhidmatan dan kemahiran berkaitan rawatan, pencegahan atau diagnosis penyakit atau keadaan tubuh badan manusia yang diterima**

**b) Testimoni tentang kemahiran dan kepakaran pengamal perubatan yang memberikan rawatan /perkhidmatan tersebut.**

#### 4.6 Endorsan Selebriti

Garis panduan ini mentakrifkan selebriti sebagai

- i. Selebriti tempatan/ antarabangsa
- ii. Ahli olahraga tempatan/ antarabangsa
- iii. Pesakit yang mendapat rawatan
- iv. Model tempatan/ antarabangsa
- v. Profesional (Pengamal Perubatan, Doktor Pergigian, Ahli Farmasi)
- vi. Pengengaruh (*Influencer*)

Penggunaan selebriti dalam iklan perkhidmatan kesihatan perlu mematuhi syarat berikut:

i. Endorsan selebriti **dibenarkan hanya** untuk tujuan promosi premis penjagaan kesihatan seperti berikut:

Contoh: Selebriti A sebagai duta yang memperkenalkan premis seperti tentang kebersihan hospital atau klinik, layanan/ hospitaliti staf klinik yang beramah mesra, persekitaran hospital/klinik yang kondusif.

ii. Endorsan selebriti berkaitan rawatan/perkhidmatan kesihatan seperti berikut adalah **tidak dibenarkan**:

**a) Endorsan selebriti mengenai rawatan perkhidmatan dan kemahiran berkaitan rawatan, pencegahan atau diagnosis penyakit atau keadaan tubuh badan manusia yang diterima**

**b) Endorsan selebriti mengenai kemahiran dan kepakaran pengamal perubatan yang memberikan rawatan /perkhidmatan tersebut**

## **5.0 Maklumat Yang Tidak Dibenarkan**

5.1 Perbandingan, sama ada secara langsung atau tersirat antara kemudahan-kemudahan penjagaan kesihatan adalah dilarang.

5.2 *Dipadam*

5.3 *Dipadam*

5.4 *Dipadam*

5.5 Pameran Spesimen dan Gambar Tisu Manusia

Pameran gambar spesimen tisu manusia yang diawet seperti bahagian biopsi atau potongan lesi pesakit, atau gambar pesakit dengan penyakit yang digunakan sebagai poster di dinding luar klinik tidak dibenarkan.

## **6.0 Media yang Diluluskan**

6.1 Umum

Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Garis panduan ini, iklan yang diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat boleh diumumkan dalam mana-mana media yang berpengkalan, berdaftar dan diterbitkan atau diedarkan di Malaysia.

6.2 Surat Khabar

Iklan dibenarkan dalam akhbar biasa.

6.3 Majalah

Iklan bukanlah spesifik untuk majalah tertentu dan boleh diterbitkan dalam mana-mana majalah setelah diluluskan.

6.4 Direktori

Maklumat dalam direktori yang mengandungi nama kemudahan penjagaan kesihatan, alamat, pengkhususan, butiran untuk dihubungi, waktu rundingan adalah dibenarkan.

#### 6.5 Brosur, Risalah dan Lembaran

Tarikh penerbitan mesti dinyatakan.

#### 6.6 Papan Iklan

Penggunaan perkataan hendaklah minimal dan mesej hendaklah ringkas mungkin.

Papan iklan yang hanya sekadar menunjukkan arah jalan tanpa iklan perkhidmatan tidak memerlukan kelulusan Lembaga Iklan Ubat.

#### 6.7 Kain Pemedang

Kain pemedang sementara untuk mengumumkan pembukaan kemudahan penjagaan kesihatan baru dibenarkan untuk tujuan pengetahuan umum asalkan ia memenuhi peraturan kerajaan tempatan. Ia hanya boleh dipamerkan di pintu masuk premis.

Kain pemedang tersebut tidak boleh dipamerkan lebih dari sebulan sebelum tarikh pembukaan dan perlu diturunkan dalam tempoh seminggu selepas pembukaan kemudahan penjagaan kesihatan tersebut.

Kain pemedang yang mengumumkan perkhidmatan yang disediakan oleh kemudahan khas dan khidmat diagnostik, anugerah atau pengiktirafan tidak dibenarkan.

#### 6.8 Laman Web

Maklumat yang disebarkan melalui medium ini perlu direka bentuk dan disusun kata-kata dengan teliti serta mematuhi bahagian relevan dalam Garis panduan ini dan semua dokumen berkanun.

Maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengamal perubatan berdaftar, nama dan foto mereka (tidak boleh melebihi satu per tiga daripada saiz format iklan), kelayakan dan kepakaran mestilah informatif dan ringkas, tanpa catatan berupa pujian.

#### 6.9 Radio, Televisyen, Televisyen kabel, Panggung Wayang dan Video Dalaman

Iklan dibenarkan dalam semua media penyiaran. Sesi rundingan secara langsung melalui radio dan televisyen berkaitan dengan iklan mesti mematuhi keperluan Garis Panduan ini.

### **7.0 Aktiviti Promosi**

#### 7.1 Pakej, diskaun atau potongan harga

7.1.1 Pakej, Diskaun atau potongan harga perkhidmatan adalah **dibenarkan** dalam iklan.

Contoh: Harga *Ultrasound* RM200 dan *Mammogram* RM300, manakala harga pakej untuk kedua-dua perkhidmatan ialah RM400

Contoh: Tawaran pemeriksaan badan sebanyak 20% diskaun pada Hari Ibu.

Contoh: Harga asal ujian darah ialah RM200, harga selepas promosi ialah RM150.

### **7.1.2 Perbandingan harga / pakej sesuatu perkhidmatan kesihatan atau rawatan yang diberikan tidak dibenarkan dalam iklan**

Contoh: Bayaran rawatan pakej *diabetic wound care* yang sama oleh Dr A (MO) RM100 manakala oleh Dr B (Pakar) RM250.

Contoh: Bayaran rawatan pakej *diabetic wound care* yang sama oleh Dr A (MO) RM100 manakala oleh jururawat RM50.

### **7.1.3 Tawaran perkhidmatan kesihatan/ rawatan secara PERCUMA tidak dibenarkan dalam iklan.**

## 7.2 Hadiah

Semua bentuk hadiah **TIDAK DIBENARKAN** dalam iklan perkhidmatan kesihatan.

## **8.0 Akta Berkaitan**

8.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) menyatakan:

s.108. Kemudahan atau perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta untuk kemudahan atau perkhidmatan berkaitan kesihatan tidak boleh menerbitkan apa-apa iklan:

- (a) Dengan cara yang mengelirukan orang ramai mengenai jenis dan bentuk kemudahan atau perkhidmatan penjagaan kesihatan atau kemudahan atau perkhidmatan berkaitan kesihatan yang disediakan; atau
- (b) Yang bertentangan dengan mana-mana arahan iklan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

8.2 Akta Makmal Patologi 2007 menyatakan:

s.75 (1) Makmal patologi berlesen tidak boleh menerbitkan sebarang iklan:



- (a) Dalam cara yang boleh mengelirukan orang ramai tentang kelas atau pengkhususan makmal patologi berlesen tersebut
- (b) Yang melanggar sebarang undang-undang bertulis yang mengawal iklan untuk urusan atau tujuan perubatan
- (c) Yang bertentangan dengan mana-mana arahan berkenaan iklan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

## **9.0 Lain-lain**

### **9.1 Publisiti di luar Malaysia**

Kemudahan yang diiklan di negara lain perlu mematuhi semua keperluan relevan negara tersebut. Walau bagaimanapun, jika iklan tersebut juga untuk orang ramai di Malaysia (sebagai contoh, melalui internet), maka publisiti sedemikian juga perlu mematuhi Garis panduan ini.

## **10.0 Kajian Semula**

Garis Panduan ini boleh disemak semula pada bila-bila masa apabila diperlukan.

### **Nota:**

**Disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat dalam Mesyuarat LIU Bil. 3/2023 bertarikh 5hb Julai 2023. Garis Panduan terpinda ini berkuat kuasa pada 5hb Julai 2023.**

**GARIS PANDUAN PENGIKLANAN UNTUK KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN  
PENJAGAAN KESIHATAN (HOSPITAL SWASTA, KLINIK, KLINIK RADIOLOGI DAN  
MAKMAL PERUBATAN SWASTA)**

SENARAI PINDAAN

<i>Pindaan Para</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Tarikh Berkuatkuasa</i>
3.3.2 (LIU 2/2021)	Seminar/ Syarahan Awam/ Pengumuman Forum Awam -saiz gambar pengamal perubatan	6.9.2021
4.1 (vi) (LIU 2/2021)	Maklumat Umum tentang kemudahan penjagaan kesihatan -saiz gambar pengamal perubatan	6.9.2021
4.3 (LIU 2/2019)	Pengumuman Akreditasi/ Anugerah, Ucapan Tahniah -Dipadam	12.9.2019
3.3.4 (LIU 2/2019)	Pengumuman Akreditasi/ Anugerah, Ucapan Tahniah -pengecualian	12.9.2019
5.2 (LIU 2/2019)	Pemerihalan superlatif -Dipadam	12.9.2019
5.3 (LIU 2/2019)	Testimoni pesakit	12.9.2019
3.1 (LIU 1/2023)	Pengecualian	16.1.2023
7.0 (LIU 2/2023)	Dorongan Berunsur Kewangan	24.3.2023
4.5 (LIU 3/2023)	Testimoni Pesakit (5.3-Dipadam)	5.7.2023
4.6 (LIU 3/2023)	Endorsan Selebriti (5.4-Dipadam)	5.7.2023
7.0	Aktiviti Promosi	5.7.2023

(LIU 3/2023)

(Dorongan Berunsur Kewangan-  
Dipadam)

7.1

(LIU 3/2023)

Pakej, Diskaun atau Potongan Harga

5.7.2023

7.2

(LIU 3/2023)

Hadiah

5.7.2023